

Ucapan oleh
YBhg. KOL. PROF. DATUK DR. KAMARUZAMAN AMPON
Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah
Acara Perasmian
Seminar Pascasiswazah Sekolah Sains dan Teknologi 2009
"Penyelidikan Asas Kecemerlangan Universiti"
Tarikh: 16 Jun 2009
Tempat: Bilik Kuliah 2 SST
Masa: 9.00 pagi

YBerusaha Profesor Dr. Mohd Harun Abdullah
Dekan
Sekolah Sains dan Teknologi

YBerusaha Prof. Madya Datin Dr Mariam Abd. Latip
Dekan
Pusat Pengajian Pascasiswazah

YBerusaha Prof Dr Awang Bono
Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi

Timbalan-timbalan Dekan
Ketua-ketua Program
Tetamu-tetamu jemputan
Dan Peserta-peserta sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

1. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniannya,
Seminar Pascasiswazah Sekolah Sains dan Teknologi 2009
dapat dilangsungkan dengan jayanya pada hari ini.

2. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Sekolah Sains dan Teknologi melalui Jawatankuasa Pelaksana Seminar atas kegigihan dan dedikasi mereka dalam memastikan kelancaran seminar ini.
3. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Pusat Pengajian Pascasiswazah yang telah turut serta bersama-sama SST menjadikan seminar ini satu kenyataan. Sewajarnya, kerjasama ini diteruskan untuk kebaikan bersama.
4. Hadirin sekalian, Wawasan Universiti Malaysia Sabah adalah untuk menjadi sebuah universiti yang berinovatif lagi bertaraf dunia.
5. Dalam usia universiti melepasi satu dasawarsa, kita telah menempuh pelbagai cabaran dan telah banyak kejayaan telah kita gapai dalam menuju mencapai wawasan tersebut.
6. Namun perjalanan ini belum selesai; seminar pada hari ini yang bertemakan **“Penyelidikan Asas Kecemerlangan Universiti”** meneruskan tekad kita untuk mencapai wawasan universiti untuk menjadi universiti penyelidikan menjelang 2015.
7. Dengan tema yang tepat dan padat; penganjuran yang bersepadu dan penyertaan pelajar pascasiswazah yang memberangsangkan, saya yakin dan percaya universiti kita akan dapat mencapainya.

8. Hadirin sekalian, negara kita sudah tidak dapat lagi bergantung kepada pasaran buruh yang murah ketika dekad 80-an hingga akhir 90-an untuk memacu ekonomi negara. Oleh yang demikian pada hemat saya dalam abad ke-21 ini, hanya dengan penyelidikan dan budaya berinovasi sahajalah, kita akan dapat terus memakmurkan negara dan meneruskan kelangsungan bangsa.
9. Dari kaca mata inovasi, sumber asli yang kita miliki sama ada di daratan Borneo mahupun sekitar pesisir pantai dan lautan menjadi satu sumber yang sangat berharga untuk dijadikan sebagai bahan kajian. Seiring dengan perkembangan teknologi dan ilmu yang pantas maka sumber ini merupakan peluang terbaik untuk kita mengembangkan aktiviti penyelidikan Sains dan Teknologi.
10. Apa yang perlu semua penyelidik utama dan ahli-ahli penyelidik seperti pelajar pasca perlu mengikuti landasan yang digariskan oleh sekolah atau program pengajian masing-masing sesuai dengan niche penyelidikan yang telah ditetapkan demi menjadikan UMS kearah Universiti Penyelidikan.
11. Faktor berkaitan penyelidikan yang lain seperti dana penyelidikan yang mencukupi melalui kemudahan geran dari MOSTI, KPT atau dana luar; prasarana atau kelengkapan makmal yang lengkap yang mana akan dibantu oleh pihak pengurusan UMS, dan juga semangat kerjasama sesama penyelidik yang dapat ditanamkan saya harap dapat digunakan

sebagai satu lagi landasan untuk menjadikan UMS cemerlang dalam aktiviti penyelidikan.

12. Hadirin sekalian, walaupun para peserta dan pembentang seminar ini hanya melibatkan Sekolah Sains dan Teknologi sahaja, namun pada hemat saya ia merupakan satu medium yang terbaik untuk pelajar pascasiswazah terlibat dalam membentangkan idea penyelidikan seterusnya berkongsi ilmu serta kemahiran di antara satu sama lain serta dapat memperbaiki kertas kerja usulan masing-masing hasil daripada komen membina yang diberikan oleh panel penilai yang dilantik.
13. Malah para pembentang yang pada umumnya masih muda akan dapat membina keyakinan diri sebagai persediaan sebelum menempuh alam pekerjaan kelak dan yang lebih penting lagi persediaan sebelum viva-voce dijalankan.
14. Dengan ini, tahniah saya ucapkan kepada semua pembentang yang telah merebut peluang untuk terlibat sama menjayakan seminar ini.
15. Hadirin sekalian, sewajarnya perbezaan agama, bangsa dan latar belakang kita, dijadikan titik tolak kepada percambahan idea dan buah fikiran dalam menjadikan inovasi dan penyelidikan sebagai suatu budaya di UMS. Melihat buku program menunjukkan kepelbagaian suku kaum di Malaysia amnya dan di Sabah khususnya menunjukkan kerjasama yang

baik antara AJK begitu juga dengan para pembentang kertas kerja. Ini adalah satu permulaan yang baik dan seiring dengan wawasan PM kita Datuk Seri Najib Tun Razak melalui slogan *1 Malaysia*. Lihatlah ke hadapan dan semoga kita dapat bersama-sama membina satu universiti dengan pencapaian didahulukan dan penyelidikan diutamakan.

16. Ingatlah, perjalanan kita masih jauh dan banyak lagi cabaran yang mendatang untuk kita tempohi bersama sebelum kejayaan yang cemerlang kita capai.

Dengan lafaz *Bismillahirrahmannirrahim*, saya merasmikan Seminar Pascasiswazah Sekolah Sains dan Teknologi tahun 2009.

Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

[TAMAT]